

## Fiqh Al-Taysir dalam Permasalahan Ibadah Pesakit Dialisis: Analisis Fatwa di Malaysia dan Timur Tengah

*(Fiqh Al-Taysir in Worship Issues of Dialysis Patients: An Analysis of Fatwas in Malaysia and the Middle East)*

Zahin Mohamad Tahir<sup>1\*</sup>, Arieff Salleh Rosman<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 81310 Skudai, Johor, Malaysia;  
Sekolah Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI), Jalan Heman, Kampung Aman, 80350, Johor Bahru, Johor, Malaysia.  
Email: zahin@graduate.utm.my

<sup>2</sup>Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 81310 Skudai, Johor, Malaysia.  
Email: aswar@utm.my

### CORRESPONDING AUTHOR (\*):

Zahin Mohamad Tahir  
(zahin@graduate.utm.my)

### KATA KUNCI:

Fiqh Ibadah  
Pesakit Dialisis  
Fiqh al-Taysir  
Fatwa

### KEYWORDS:

Fiqh of Worship  
Dialysis Patients  
Fiqh al-Taysir  
Fatwa

### CITATION:

Zahin Mohamad Tahir, & Arieff Salleh Rosman. (2024). Fiqh Al-Taysir dalam Permasalahan Ibadah Pesakit Dialisis: Analisis Fatwa di Malaysia dan Timur Tengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(11), e002926. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i11.2926>

### ABSTRAK

Pesakit dialisis sering menghadapi cabaran dalam melaksanakan ibadah disebabkan proses rawatan yang kompleks. Kajian ini bertujuan menganalisis aplikasi konsep Fiqh al-Taysir dalam menangani permasalahan ibadah pesakit dialisis melalui fatwa di Malaysia dan Timur Tengah. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti permasalahan ibadah pesakit dialisis dan mengkaji pendekatan Fiqh al-Taysir yang digunakan dalam fatwa berkaitan. Metodologi kajian melibatkan analisis kandungan fatwa-fatwa dari portal rasmi fatwa Malaysia dan institusi fatwa terkemuka di Timur Tengah. Hasil kajian mendapati terdapat permasalahan yang signifikan dalam pelaksanaan ibadah pesakit dialisis terutamanya berkaitan empat isu utama iaitu wuduk, solat, puasa dan haji. Dapatan juga menunjukkan wujudnya pendekatan Fiqh al-Taysir dalam fatwa-fatwa yang dikeluarkan bagi menangani permasalahan tersebut. Kesimpulannya, kajian ini menyerlahkan kepentingan aplikasi Fiqh al-Taysir dalam menangani cabaran ibadah pesakit dialisis dan menyediakan asas untuk pembangunan garis panduan ibadah pesakit dialisis yang lebih komprehensif.

### ABSTRACT

Dialysis patients often face challenges in performing religious duties due to the complex treatment process. This study aims to analyze the application of the Fiqh al-Taysir concept in addressing the worship-related issues of dialysis patients through fatwas in Malaysia and the Middle East. The objectives of the study are to identify the worship-related problems of dialysis patients and examine the Fiqh

al-Taysir approach used in relevant fatwas. The research methodology involves content analysis of fatwas from official Malaysian fatwa portals and prominent fatwa institutions in the Middle East. The study finds that there are significant issues in the performance of religious duties by dialysis patients, particularly concerning four main areas: ablution, prayer, fasting, and pilgrimage. The findings also indicate the presence of the Fiqh al-Taysir approach in the fatwas issued to address these issues. In conclusion, this study highlights the importance of applying Fiqh al-Taysir in addressing the worship challenges of dialysis patients and provides a foundation for developing more comprehensive guidelines for the religious practices of dialysis patients.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada berkaitan Fiqh al-Taysir. Kajian ini menggunakan metodologi yang sama dengan kajian lepas namun sasaran kajian adalah berbeza kerana kajian ini memfokuskan kepada isu berkaitan ibadah pesakit dialisis.

## 1. Pengenalan

Rawatan dialisis merupakan satu keperluan kritikal bagi pesakit buah pinggang kronik. Walau bagaimanapun, proses rawatan yang kompleks ini sering menimbulkan pelbagai cabaran kepada pesakit dalam melaksanakan ibadah-ibadah wajib (Wan Md Adnan et al., 2014). Keadaan ini telah mencetuskan pelbagai persoalan fiqh yang memerlukan penelitian mendalam dari perspektif syariah. Isu-isu fiqh yang timbul dalam konteks ibadah pesakit dialisis melibatkan aspek teknikal pelaksanaan ibadah dan persoalan-persoalan asas berkaitan keupayaan mukallaf dalam keadaan sakit. Ini membawa kepada perbincangan penting dalam kalangan ulama kontemporari tentang aplikasi prinsip-prinsip syariah dalam konteks perubatan moden. Konsep Fiqh al-Taysir telah menjadi pendekatan penting dalam pengeluaran fatwa berkaitan ibadah pesakit dialisis. Fiqh al-Taysir, yang merujuk kepada prinsip kemudahan dalam hukum Islam, menyediakan kerangka untuk mengimbangi antara tuntutan syariat dan realiti perubatan (al-Zuhaili, 1986). Kajian ini bertujuan untuk menganalisis aplikasi konsep Fiqh al-Taysir dalam fatwa-fatwa berkaitan ibadah pesakit dialisis di Malaysia dan Timur Tengah. Objektif utama kajian adalah mengenal pasti permasalahan utama dalam fiqh ibadah yang dihadapi oleh pesakit dialisis berpandukan fatwa dan mengkaji pendekatan Fiqh al-Taysir yang digunakan dalam fatwa-fatwa berkaitan. Kepentingan kajian ini terletak pada sumbangannya dalam menyediakan analisis mendalam tentang isu-isu fiqh kontemporari yang dihadapi oleh pesakit dialisis. Dengan peningkatan bilangan pesakit buah pinggang kronik di Malaysia, kajian ini diharap dapat memberi pemahaman yang lebih baik tentang permasalahan fiqh ibadah bagi memastikan pesakit dapat menjalankan kewajipan agama dengan baik tanpa menjejaskan kesihatan mereka (Alshamsi et al., 2016).

## 2. Konsep Fiqh al-Taysir dalam Perubatan

Fiqh al-Taysir merupakan salah satu prinsip penting dalam syariah Islam yang bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada umat Islam dalam melaksanakan kewajipan agama mereka. Dalam konteks perubatan moden khususnya berkaitan dengan pesakit

dialisis, prinsip ini menjadi semakin relevan dan penting. Dari segi definisi, Fiqh al-Taysir merujuk kepada pendekatan dalam hukum Islam yang bertujuan untuk meringankan bebanan dan kesukaran yang dihadapi oleh umat Islam dalam melaksanakan kewajipan agama mereka. Menurut [Azhari dan Harun \(2019\)](#), terdapat beberapa parameter khusus dalam menentukan pelaksanaan al-Taysir, antaranya ialah al-Taysir mestilah berpandukan nas, menepati had yang ditetapkan nas dan wujud elemen masyaqqah dan darurat.

Asas-asas syariah bagi Fiqh al-Taysir dapat dilihat dalam pelbagai sumber utama Islam. Al-Quran sendiri menyebut dalam Surah al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud:

*"Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu."*

Hadis Nabi Muhammad SAW juga menegaskan prinsip ini, seperti dalam hadis riwayat Bukhari yang bermaksud:

*"Jika diperintahkan kepada kamu sesuatu perkara, lakukanlah ia mengikut kemampuanmu."*

Dalam konteks perubatan moden, aplikasi Fiqh al-Taysir merupakan elemen penting, terutamanya bagi pesakit yang menjalani rawatan kompleks dan berpanjangan seperti dialisis. Sebagai contoh, menurut fatwa yang dikeluarkan oleh [Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan \(2014\)](#), harus menjamakkan sembahyang kerana menjalani rawatan penyakit kronik yang memakan masa yang lama.

Contoh aplikasi Fiqh al-Taysir dalam isu-isu perubatan kontemporari termasuk kebenaran untuk menjamak solat bagi pesakit yang menjalani rawatan yang memakan masa panjang. Menurut pandangan [al-Bakri \(2021\)](#), pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis boleh menunaikan solat dalam posisi duduk atas sebab-sebab yang diperlukan, dan tidak perlu menggantikan semula solat tersebut.

Dalam isu puasa pula, fatwa daripada [Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor \(2012\)](#) menyatakan bahawa rawatan dialisis peritoneal dan hemodialisis yang dilakukan oleh orang yang berpuasa pada siang hari bulan Ramadan tidak membatalkan puasa. Walau bagaimanapun, ulama seperti Dr. Yusuf al-Qardhawi menekankan bahawa jika seorang pesakit memilih untuk berbuka, dia perlu menggantikan puasa yang ditinggalkannya kemudian ([al-Kindi, 2014](#)).

Dalam konteks pesakit dialisis, penggunaan prinsip Fiqh al-Taysir memerlukan pemahaman yang mendalam bukan sahaja tentang hukum-hakam syariah, tetapi juga tentang prosedur perubatan dan kesan-kesannya terhadap pesakit. Ini memerlukan kerjasama berpanjangan antara pakar agama dan pakar perubatan dalam mengeluarkan fatwa-fatwa yang relevan dan praktikal.

### 3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen untuk mengkaji fatwa-fatwa kontemporari berkaitan ibadah pesakit dialisis di Malaysia dan negara-negara Timur Tengah. Metodologi ini dipilih kerana kesesuaiannya dalam menganalisis teks fatwa secara mendalam dan membolehkan perbandingan antara

pelbagai sumber. Data dikumpulkan melalui penelitian terhadap fatwa-fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama di kedua-dua wilayah. Sumber-sumber primer termasuk portal rasmi fatwa Malaysia, laman web Jabatan Mufti Negeri, keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan fatwa dari institusi seperti Dar al-Ifta' al-Misriyyah, Lajnah al-Daimah, dan Majma' Fiqh al-Islami di Timur Tengah. Tambahan data sekunder diperoleh dari kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporari, jurnal akademik dan artikel ilmiah yang berkaitan.

Fatwa-fatwa yang dipilih untuk dianalisis mestilah memenuhi kriteria tertentu termasuk dikeluarkan dalam tempoh 20 tahun kebelakangan yang berkaitan secara langsung dengan isu ibadah pesakit dialisis melibatkan aspek solat, puasa atau haji yang dikeluarkan oleh badan fatwa atau ulama yang diiktiraf. Analisis data dilakukan menggunakan kaedah analisis kandungan secara kualitatif yang melibatkan proses pembacaan awal, pengkategorian dan analisis. Fokus khusus diberikan kepada permasalahan ibadah dan penggunaan prinsip Fiqh al-Taysir dalam fatwa-fatwa tersebut.

Kajian ini memfokuskan kepada analisis dokumen fatwa dan tidak melibatkan temu bual dengan mufti atau pesakit dialisis. Oleh itu, interpretasi adalah berdasarkan teks fatwa yang tersedia dan mungkin tidak mencerminkan sepenuhnya proses pengeluaran fatwa atau pengalaman sebenar pesakit dalam melaksanakan ibadah. Namun, metodologi ini masih mampu memberikan pandangan yang mendalam tentang permasalahan dan pendekatan Fiqh al-Taysir dalam fatwa-fatwa berkaitan ibadah pesakit dialisis dan membolehkan perbandingan yang bermakna antara pendekatan yang diambil di Malaysia dan Timur Tengah.

## 4. Perbincangan Kajian

### 4.1. Soalan Mustafti Berkenaan Ibadah Pesakit Dialisis

Berikut merupakan soalan-soalan *mustafti* kepada mufti berkaitan ibadah ketika dialisis berdasarkan analisis dokumen.

#### 4.1.1. Wuduk dan Solat

- i. "Adakah sah solat ketika menjalani rawatan hemodialisis?" ([Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2022](#)).
- ii. "Adakah individu yang sedang menjalani rawatan hemodialisis dibenarkan jamak takdim atau takhir antara solat Zuhur dan Asar serta solat Maghrib dan Isyak disebabkan oleh rawatan yang dijalani?" ([al-Bakri, 2021](#)).
- iii. "Saya menjalani rawatan hemodialisis tiga kali seminggu. Sesi rawatan saya menyebabkan berlalunya waktu solat asar. Rawatan saya pula berakhir 1 jam 30 minit selepas waktu asar tamat. Keadaan ketika menjalani rawatan juga tidak menghadap kiblat. Adakah saya boleh tunaikan solat tanpa menghadap kiblat atau solat selepas tamat waktu?" ([Bin Baz, t.t.-b](#)).
- iv. "Saya merupakan pesakit yang menjalani hemodialisis tiga kali seminggu. Saya tidur sepanjang sesi rawatan yang memakan masa empat jam. Kemudian masuk waktu maghrib. Saya masih belum selesai rawatan dan tidak boleh bergerak untuk mengambil wuduk. Adakah saya diberi keringanan untuk melewatkan solat walaupun telah tamat waktunya, atau

- saya perlu solat dalam keadaan sedia ada tanpa wuduk dan tidak menghadap kiblat?" (Bin Baz, t.t.-b).
- v. "Saya menjalani rawatan hemodialisis tiga kali seminggu dan satu sesi rawatan lebih kurang tiga jam. Kaedah rawatan ialah darah daripada badan melalui mesin dialisis dan dimasukkan semula ke dalam badan saya. Persoalannya adakah keluar masuk darah tersebut membatalkan wuduk?" (Al-Uthaymeen, t.t.-a).
  - vi. "Adakah dibolehkan jamak antara zuhur dan asar sekiranya saya yakin rawatan belum berakhir sehingga masuk waktu asar?" (Lajnah Daimah, t.t.-a).
  - vii. "Adakah saya boleh solat zuhur sebelum masuk waktunya, dan bagaimanakah saya ingin mengetahui sudah masuk waktu solat?" (Lajnah Daimah, t.t.-a).
  - viii. "Kadang kala jururawat tersilap masuk jarum dan menyebabkan darah terkena pakaian, adakah darah tersebut membatalkan wuduk?" (Lajnah Daimah, t.t.-a).
  - ix. "Bagi pesakit buah pinggang yang mempunyai wuduk, adakah perlu menunaikan solat pada waktunya?" (Majma' Fiqh al-Islami, 2010).

#### 4.1.2. Puasa

- i. "Adakah sah atau tidak berpuasa ketika menjalani rawatan hemodialisis?" (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2002).
- ii. "Apakah hukum puasa ketika menjalani dialisis?" (Dairat al-Ifta' al-'Am al-Urduniyyah, 2013).
- iii. "Saya menjalani rawatan hemodialisis 2 kali seminggu. Adakah wajib saya berpuasa? Dan adakah saya perlu berpuasa pada hari saya menjalani rawatan atau tidak?" (Dar al-Ifta' al-Urduniyyah, t.t.).
- iv. "Bagaimanakah kaedah berpuasa ketika hemodialisis?" (Al-Uthaymeen, t.t.-b)
- v. "Adakah perlu berpuasa pada hari rawatan dijalankan?" (Lajnah Daimah, t.t.-c).
- vi. "Adakah saya dikenakan kafarah bagi puasa tahun-tahun yang lalu yang ditinggalkan dengan nasihat doktor dan berapakah kadarnya?" (Lajnah Daimah, t.t.-b).
- vii. "Adakah dibenarkan bayaran fidyah diberikan kepada satu orang sahaja?" (Lajnah Daimah, t.t.-b).
- viii. "Adakah dibenarkan bayaran fidyah dalam bentuk duit?" (Lajnah Daimah, t.t.-b).
- ix. "Adakah perlu berpuasa jika terdapat ubat-ubatan yang perlu di ambil pada waktu siang?" (Lajnah Daimah, t.t.-c).
- x. "Apakah yang perlu dilakukan jika doktor menasihati pesakit supaya tidak berpuasa?" (Bin Baz, t.t.-a).
- xi. "Adakah perlu menggantikan puasa yang ditinggalkan disebabkan dialisis atau cukup dengan bayaran fidyah?" (Al-Uthaymeen, t.t.-c).

#### 4.1.3. Haji

- i. "Bolehkah seorang pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan Hemodialisis menunaikan ibadah haji?" (Jabatan Mufti Negeri Sarawak, t.t.).

- ii. "Bolehkah seorang pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis menunaikan ibadah haji?" (Al-Uthaymeen, t.t.-d).
- iii. "Adakah boleh mewakili orang lain untuk menunaikan haji?" (Al-Uthaymeen, t.t.-d).

#### 4.2. Fatwa Berkaitan Ibadah Pesakit Dialisis Di Malaysia

Fatwa-fatwa berkaitan ibadah pesakit dialisis di Malaysia menunjukkan pendekatan rukhsah dengan mengambil kira keadaan pesakit. Berikut merupakan fatwa di Malaysia berkaitan ibadah pesakit dialisis.

##### 4.2.1. Wuduk dan Solat

- i. Jabatan Mufti Negeri Selangor menjawab persoalan berikut: "Adakah sah solat ketika menjalani rawatan hemodialisis?" Jawapan yang diberikan daripada pihak mufti ialah solat tersebut sah selagi memenuhi rukun dan syarat sah solat. Jika terdapat kesan darah maka perlu dibersihkan terlebih dahulu sebelum memulakan solat" (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2002).
- ii. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor memutuskan: "Harus menjamakkan sembahyang kerana menjalani rawatan penyakit kronik yang memakan masa yang lama. Keharusan menjamakkan sembahyang dikhususkan pada masa berlaku darurat sahaja, tidak terpakai pada masa sihat atau hari yang tiada rawatan atau ketika tidak bertugas" (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2002).
- iii. al-Bakri (2021) menyatakan: "Pesakit boleh melaksanakan jamak takdim solat Asar dan Zuhur bersama tanpa qasar jika tidak dapat menunaikan solat semasa menjalani rawatan."

##### 4.2.2. Puasa

- i. Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor memutuskan: "Rawatan dialysis peritoneal dan hemodialysis yang dilakukan oleh orang yang berpuasa pada siang hari bulan ramadan tidak membatalkan puasa" (Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, 2012).
- ii. Jabatan Mufti Negeri Selangor menambah: "Hemodialisis dan dialisis peritoneal tidak membatalkan puasa berdasarkan Garis Panduan Bagi Pesakit yang telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Namun, jika tidak mampu harus berbuka dan digantikan pada hari lain" (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2002).

##### 4.2.3 Haji

- i. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia memutuskan:
- ii. "Pesakit yang menghidap penyakit kronik yang tidak ada harapan sembuh seperti pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis dan seumpamanya tidak wajib menunaikan ibadah haji;
- iii. Pesakit kronik adalah wajib melaksanakan badal haji sekiranya berkemampuan daripada sudut kewangan; dan

- iv. Sekiranya telah sembuh daripada sakit kronik, individu tersebut wajib menunaikan ibadah haji jika berkemampuan" ([Jabatan Mufti Negeri Sarawak, t.t.](#)).
- v. Jabatan Mufti Negeri Selangor menambah: "Ibadah haji mestilah berkemampuan dari sudut harta dan kesihatan. Jika tidak mampu, maka boleh mengupah orang lain untuk melaksanakan haji bagi pihaknya. Namun, jika penyakitnya sembuh maka hukum asal perlu digunakan semula iaitu wajib baginya melaksanakan haji" ([Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2020](#)).

### 4.3. Fatwa Berkaitan Ibadah Pesakit Dialisis Di Timur Tengah

#### 4.3.1. Wuduk dan Solat

- i. [Al-Uthaymeen \(t.t.-a\)](#) berpendapat: "Wuduk tidak terbatal kerana mengikut pendapat rajih, wuduk akan terbatal jika keluar sesuatu daripada lubang qubul dan dubur sama ada air kencing, kentut dan najis. Oleh yang demikian, darah yang keluar daripada hidung tidak membatalkan wuduk, begitu juga darah yang keluar daripada luka tidak membatalkan wuduk sedikit atau banyak. Kesimpulannya hemodialisis tidak membatalkan wuduk."
- ii. [Lajnah Daimah \(t.t.-a\)](#) menyatakan: "Jika darah yang keluar itu banyak, maka wuduk terbatal sama ada disebabkan oleh dialisis atau sebab lain kerana keluarnya najis yang banyak daripada badan."
- iii. [Allam \(2023\)](#) menyatakan: "Jika pesakit tidak mampu menghadap kiblat, maka dibolehkan untuk solat tanpa menghadap kiblat dan tidak perlu mengulangi solatnya semula."
- iv. [Majma' Fiqh al-Islami \(2010\)](#) berpendapat: "Bagi pesakit yang tidak mampu menghadap kiblat ketika menunaikan solat, pesakit dibenarkan untuk berada dalam keadaan sedia ada sebagaimana yang mudah untuknya."
- v. [Bin Baz \(t.t.-b\)](#) membenarkan: "Pesakit untuk melaksanakan jamak takdim atau takhir, bergantung pada masa rawatan."
- vi. [Bin Baz \(t.t.-b\)](#) menambah: "Pesakit boleh memilih sama ada untuk menunaikan solat dalam keadaan duduk atau berbaring mengikut kemampuan."
- vii. [IslamWeb.net \(2013\)](#) menyatakan: "Jika pesakit tidak mampu untuk berwuduk sendirian, pesakit boleh meminta bantuan orang lain walaupun dengan bayaran upah. Jika tiada sesiapa yang boleh membantu, maka pesakit boleh bertayamum. Jika tiada debu untuk bertayamum, maka pesakit boleh menunaikan solat tanpa wuduk."

#### 4.3.2. Puasa

- i. [Dairat al-Ifta' al-'Am al-Urduniyyah \(2013\)](#) berpendapat: "Dialisis membatalkan puasa kerana darah yang disucikan dalam mesin dialisis dimasukkan nutrisi tambahan menurut pakar perubatan."
- ii. [Allam \(2021\)](#) menyatakan: "Hemodialisis tidak membatalkan puasa. Namun, sekiranya doktor tidak membenarkan pesakit tersebut berpuasa atas mudarat dan kesusahan tertentu, maka pesakit diwajibkan berbuka dan berdosa jika berpuasa. Pesakit perlu membayar fidyah mengikut jumlah hari yang ditinggalkan."

- iii. [Al-Uthaymeen \(t.t-b\)](#) berpendapat: "Kebiasaannya saya berpendapat bahawa hemodialisis tidak seperti berbekam kerana berbekam darah hanya keluar daripada badan dan tidak masuk semula ke dalam badan. Oleh yang demikian hemodialisis membatalkan puasa seperti mana disebut dalam hadis."
- iv. [Dar al-Ifta' al-Urduniyyah \(t.t\)](#) menyatakan: "Hemodialisis membatalkan puasa kerana terdapat penambahan nutrisi dalam darah seperti yang dimaklumkan pihak perubatan."
- v. [Lajnah Daimah \(t.t-c\)](#) menyebut: "Pesakit dibenarkan untuk tidak berpuasa pada hari rawatan atau hari yang tiada rawatan jika puasa boleh memberi kesusahan kepadanya. Pesakit perlu menggantikan puasa selepas Ramadan jika mampu."
- vi. [Bin Baz \(t.t-a\)](#) menyatakan: "Sekiranya doktor melihat terdapat mudarat jika pesakit berpuasa, maka tak perlu berpuasa. Jika halangan berpuasa disahkan oleh doktor pakar lebih daripada seorang, maka pesakit tidak boleh berpuasa. Namun, jika pesakit merasakan dirinya mampu boleh berpuasa."
- vii. [Al-Majlis al-Islami lil-Ifta' \(2023\)](#) memutuskan: "Puasa bagi orang menjalani rawatan hemodialisis terbatal berdasarkan pengesahan doktor bahawa kebanyakan rawatan dialisis bergantung kepada nisbah garam, mineral dan gula yang dimasukkan ke dalam darah pesakit ketika menjalani rawatan hemodialisis."
- viii. [Al-Kharusi \(2023\)](#) berpendapat: "Pesakit perlu mendengar nasihat doktor. Pada asalnya hukum puasanya adalah terbatal kerana terdapat nutrisi yang dimasukkan dalam darah ketika rawatan."
- ix. [International Islamic Fiqh Academy \(2018\)](#) memutuskan: "Dialisis Peritoneal dan Hemodialisis membatalkan puasa kerana memasukkan sejumlah besar air dalam badan bersama garam dan gula."

#### 4.3.3. Haji

[Al-Uthaymeen \(t.t-d\)](#) menyatakan: "Pada asasnya pesakit wajib menunaikan haji. Oleh itu, jika pesakit sudah tidak mampu maka wajib untuk mewakilkan orang lain untuk melaksanakan haji."

#### 4.4. Analisis Permasalahan Ibadah Pesakit Dialisis Berdasarkan Soalan *Mustafti*

Berdasarkan fatwa-fatwa tersebut, permasalahan fiqh ibadah dalam kehidupan pesakit dialisis melibatkan ibadah wuduk, solat, puasa dan haji dapat dikenal pasti. Bahagian ini akan mengelaskan Fatwa daripada Malaysia dan Timur Tengah yang telah dikumpulkan kepada elemen-elemen permasalahan mengikut jenis ibadah. Elemen permasalahan ini adalah *al-masyaqqah* iaitu kesusahan dan mudarat yang membolehkan pesakit mendapat rukhsah dalam ibadah. [Jadual 1](#) adalah permasalahan pesakit dialisis bagi setiap jenis ibadah yang dianalisis daripada fatwa-fatwa.

Persoalan-persoalan *mustafti* berkaitan ibadah pesakit hemodialisis mendedahkan pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh golongan ini dalam menunaikan kewajipan agama mereka. Soalan-soalan ini tertumpu kepada tiga topik utama iaitu wuduk dan solat, puasa serta haji. Isu berkaitan puasa dan solat dilihat menjadi persoalan yang paling kerap ditanya. Ini menunjukkan bahawa ibadah harian ini merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh pesakit hemodialisis.

Jadual 1: Ringkasan Permasalahan Ibadah Pesakit Dialisis daripada Fatwa Malaysia dan Timur Tengah

Jenis Ibadah	Permasalahan
Ibadah Wuduk	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pesakit telah bersiap dengan wuduk sebelum rawatan, wuduk tersebut terbatal akibat sentuhan dengan jururawat wanita bagi pesakit lelaki atau pesakit terkentut.</li> <li>2. Pesakit tidak mampu berwuduk bersendirian tanpa bantuan</li> <li>3. Pesakit menjamakkan solat disebabkan risau wuduk terbatal</li> <li>4. Darah keluar ketika hemodialisis. Adakah membatalkan wuduk?</li> <li>5. Adakah boleh bertayamum jika air tidak dapat dicapai ketika hemodialisis dan bagaimana kaedahnya?</li> <li>6. Adakah keluar darah dan masuk ke dalam mesin dialisis kemudian kembali semula ke dalam badan membatalkan wuduk?</li> <li>7. Adakah darah disebabkan jururawat tersalah cucuk jarum membatalkan wuduk?</li> </ol>
Ibadah Solat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bagaimanakah kaedah melaksanakan solat ketika menjalani rawatan dialisis?</li> <li>2. Adakah ibadah solat digugurkan bagi pesakit yang menjalani rawatan dialisis?</li> <li>3. Adakah sah solat ketika menjalani rawatan hemodialisis?</li> <li>4. Adakah individu yang sedang menjalani rawatan hemodialisis dibenarkan jamak takdim atau takhir antara solat Zuhur dan Asar serta solat Maghrib dan Isyak disebabkan oleh rawatan yang dijalani?</li> <li>5. Adakah saya perlu tunaikan solat pada waktunya ketika saya sedang menerima rawatan di atas katil dalam keadaan tidak menghadap kiblat?</li> <li>6. Adakah sah solat tanpa menghadap kiblat?</li> <li>7. Adakah boleh jamak takdim kerana risau akan keletihan selepas tamat sesi rawatan?</li> <li>8. Adakah pesakit boleh solat zuhur sebelum masuk waktunya?</li> <li>9. Bagaimanakah cara untuk tahu sudah masuk waktu solat?</li> <li>10. Bagi pesakit buah pinggang yang sudah mempunyai wuduk, adakah perlu menunaikan solat pada waktunya?</li> </ol>
Ibadah Puasa	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Adakah hemodialisis membatalkan puasa?</li> <li>2. Bagaimanakah kaedah berpuasa ketika hemodialisis?</li> <li>3. Adakah pesakit wajib berpuasa?</li> <li>4. Adakah perlu berpuasa pada hari rawatan dijalankan?</li> <li>5. Adakah saya dikenakan kafarah bagi puasa tahun-tahun yang lalu yang ditinggalkan dengan nasihat doktor dan berapakah kadarnya?</li> <li>6. Adakah dibenarkan bayaran fidyah diberikan kepada satu orang sahaja?</li> <li>7. Adakah dibenarkan bayaran fidyah dalam bentuk duit?</li> <li>8. Adakah perlu berpuasa jika terdapat ubat-ubatan yang perlu di ambil pada waktu siang?</li> <li>9. Apakah yang perlu dilakukan jika doktor menasihati pesakit supaya tidak berpuasa?</li> <li>10. Adakah perlu menggantikan puasa yang ditinggalkan disebabkan dialisis atau cukup dengan bayaran fidyah?</li> </ol>
Ibadah Haji	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bolehkah seorang pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis menunaikan ibadah haji?</li> <li>2. Adakah boleh mewakilkan orang lain untuk menunaikan haji?</li> </ol>

Kebanyakan persoalan yang dikemukakan berkaitan dengan kesahihan ibadah ketika menjalani rawatan, keringanan (*rukhsah*) dalam ibadah, cara melaksanakan ibadah dalam keadaan rawatan dan hukum-hukum khusus berkaitan ibadah semasa rawatan. Keprihatinan tinggi dalam kalangan pesakit untuk memastikan ibadah mereka sah dan diterima walaupun dalam keadaan sakit jelas dilihat melalui soalan-soalan yang diajukan.

Soalan-soalan ini juga mendedahkan elemen *al-masyaqqah* dalam situasi yang dihadapi oleh pesakit hemodialisis. Antara isu yang sering dibangkitkan termasuklah masa rawatan yang bertindih dengan waktu solat, kesukaran mengambil wuduk dan ketidakmampuan menghadap kiblat untuk menunaikan solat fardu ketika dialisis. Hal ini menunjukkan keperluan untuk garis panduan khusus atau fatwa terperinci mengenai ibadah bagi pesakit hemodialisis kerana situasi mereka yang berbeza dengan kebanyakan rawatan lain.

Aspek lain yang menarik perhatian ialah kepelbagaian sumber rujukan yang digunakan oleh *mustafti* dalam mendapatkan jawapan terhadap isu atau permasalahan yang dihadapi. Soalan-soalan ini dirujuk kepada pelbagai sumber fatwa, termasuk laman web rasmi institusi fatwa, ulama terkenal dan platform media sosial. Ini menggambarkan usaha aktif pesakit dalam mencari panduan agama yang sahih dan relevan dengan keadaan mereka.

Jika dikaji semua soalan yang diajukan, isu berkaitan masa ibadah seperti jamak solat dan puasa ketika rawatan juga menjadi fokus utama dalam kebanyakan soalan. Ini menunjukkan bahawa pengurusan masa merupakan cabaran utama bagi pesakit hemodialisis dalam menunaikan ibadah mereka. Selain itu, beberapa soalan juga merujuk kepada nasihat doktor, menunjukkan kesedaran tentang kepentingan mengimbangi keperluan perubatan dengan kewajipan agama.

Kesimpulannya, terdapat keperluan mendesak untuk pendidikan, intervensi dan panduan yang lebih terperinci mengenai ibadah bagi pesakit hemodialisis. Ia juga menekankan kepentingan kerjasama antara pakar agama dan perubatan dalam menangani isu-isu ini. Dengan adanya panduan yang jelas dan komprehensif, diharap pesakit hemodialisis dapat menunaikan ibadah mereka dengan lebih yakin dan tenang sekali gus meningkatkan kualiti kehidupan spiritual mereka walaupun berhadapan dengan cabaran kesihatan.

#### **4.5 Analisis Hukum Dan *Fiqh Al-Taysir* Dalam Ibadah Pesakit Dialisis Berdasarkan Fatwa**

Dalam kategori hukum pula, fatwa menjawab semua persoalan pesakit berkaitan pelaksanaan fiqh ibadah. Elemen-elemen hukum dalam pelaksanaan ibadah pesakit dialisis dikenal pasti melalui analisis terhadap fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan. Bahagian ini akan mengenal pasti hukum asal dalam pelaksanaan ibadah pesakit dialisis dan elemen *Fiqh al-Taysir* yang diberikan kepada pesakit. Bahagian ini juga membandingkan hukum asal dengan elemen *Fiqh al-Taysir* dalam fatwa dengan terperinci. Hukum syarak berkaitan ibadah pesakit dialisis ini terbahagi kepada sunat, wajib, haram, makruh, harus, sah dan batal. [Jadual 2](#) menunjukkan hukum asal dan elemen *Fiqh al-Taysir* dalam pelaksanaan ibadah pesakit dialisis.

Jadual 2: Ringkasan Hukum dan elemen Fiqh al-Taysir dalam Pelaksanaan Ibadah Pesakit Dialisis daripada Fatwa Malaysia dan Timur Tengah

Jenis Ibadah	Hukum
Ibadah Wuduk	<p>Hukum asal</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pesakit wajib berwuduk sebelum menunaikan solat.</li> <li>2. Pesakit perlu berwuduk dengan kudrat sendiri tanpa bantuan orang lain.</li> <li>3. Darah yang banyak pada pakaian dan badan membatalkan wuduk.</li> </ol> <p>Elemen <i>Fiqh al-Taysir</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pesakit boleh meminta bantuan orang lain walaupun dengan bayaran upah untuk berwuduk.</li> <li>2. Wuduk tidak batal jika darah keluar daripada kesan luka ketika rawatan hemodialisis dijalankan sedikit atau banyak.</li> <li>3. Pesakit boleh bertayamum dengan mengambil debu daripada bawah kerusi rawatan jika tidak mampu berwuduk.</li> <li>4. Wuduk tidak batal jika darah keluar hanya sedikit, tetapi jika banyak wuduk terbatal.</li> </ol>
Ibadah Solat	<p>Hukum asal</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Wajib tunaikan solat dalam waktunya.</li> <li>2. Haram menjamakkan solat dalam keadaan bermukim.</li> <li>3. Haram meninggalkan rukun dan syarat sah solat seperti wuduk, menghadap kiblat dan berdiri</li> </ol> <p>Elemen <i>Fiqh al-Taysir</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Harus menjamakkan solat dengan jamak takdim atau takhir jika rawatan memakan masa yang lama.</li> <li>2. Harus solat dalam keadaan duduk jika tidak mampu berdiri dan tidak perlu menggantikan solat tersebut. Jika tidak mampu, boleh berbaring dengan kakinya menghadap kiblat atau mengiring menghadap kiblat.</li> <li>3. Jika pesakit ingin menjamakkan solat disebabkan risau terbatal wuduk juga dibenarkan.</li> <li>4. Jika tidak mampu menghadap kiblat, maka pesakit boleh menghadap arah sedia ada.</li> <li>5. Pesakit boleh tunaikan solat di atas katil rawatan semasa rawatan dijalankan jika sudah masuk waktu solat dengan menghadap kiblat. Jika tidak mampu, tidak perlu menghadap kiblat dan tidak perlu menggantikan solat tersebut.</li> <li>6. Selepas selesai rawatan, pesakit boleh memilih sama ada untuk menunaikan solat dalam keadaan duduk atau berbaring mengikut kemampuan.</li> <li>7. Jika pesakit berasa susah untuk menunaikan solat pada waktunya atau tidak mampu menunaikan solat sejeurus selepas selesai rawatan, maka pesakit dibenarkan untuk menjamakkan solat antara zuhur dan asar atau maghrib dan isyak dengan jamak <i>Shuriy</i>.</li> </ol>
Ibadah Puasa	<p>Hukum asal</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Semua pesakit wajib berpuasa di bulan Ramadan.</li> </ol>

2. Pesakit wajib menggantikan puasa pada hari yang tiada rawatan, jika tidak berpuasa pada bulan Ramadan.
3. Memasukkan sesuatu ke dalam rongga badan membatalkan puasa.

#### Elemen *Fiqh al-Taysir*

1. Hemodialisis tidak membatalkan puasa walaupun darah keluar dan masuk melalui urat.
2. Sekiranya doktor tidak membenarkan pesakit tersebut berpuasa atas mudarat dan kesusahan tertentu, maka pesakit diwajibkan berbuka dan berdosa jika berpuasa.
3. Jika penyakit ini tiada harapan sembuh dan memerlukan rawatan berterusan, maka cukup bagi pesakit dengan membayar fidyah mengikut hari yang ditinggalkan.
4. Jika rawatan tidak berterusan dan hanya terjadi beberapa kali, maka pesakit hanya perlu berbuka pada hari rawatan sahaja dan menggantikan puasa pada hari lain.
5. Pesakit dibenarkan untuk tidak berpuasa pada hari rawatan atau hari yang tiada rawatan jika puasa boleh memberi kesusahan kepadanya. Pesakit perlu menggantikan puasa selepas Ramadan jika mampu.
6. Jika puasa memberi kesusahan dan menambah kesakitan pesakit atau ubat-ubatan mesti diambil pada waktu siang, maka cukuplah dengan membayar fidyah dengan memberi makan orang miskin bagi hari yang ditinggalkan jika tiada harapan sembuh dan tidak mampu qada.

Ibadah Haji

Hukum asal

1. Ibadah Haji fardu bagi setiap muslim yang berkemampuan.

#### Elemen *Fiqh al-Taysir*

1. Pesakit yang menghidap penyakit kronik yang tidak ada harapan sembuh seperti pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis dan seumpamanya tidak wajib menunaikan ibadah haji.
2. Sekiranya pesakit sudah tidak mampu dari sudut kesihatan maka wajib untuk mewakilkan orang lain untuk melaksanakan haji (*badal haji*) jika mampu dari sudut kewangan.

**Jadual 2** menunjukkan pendekatan yang seimbang dalam penerapan hukum Islam bagi pesakit dialisis, dengan menggabungkan prinsip hukum asal dan elemen *Fiqh al-Taysir* (fiqh kemudahan). Pendekatan ini mencerminkan keanjalan (*flexibility*) syariat Islam dalam menghadapi situasi-situasi khusus terutamanya yang melibatkan kesihatan dan kesejahteraan umat.

Dalam aspek ibadah wuduk, hukum asal menetapkan kewajipan berwuduk sebelum solat dan keperluan untuk melakukannya sendiri. Namun, *Fiqh al-Taysir* membenarkan pesakit untuk mendapatkan bantuan orang lain atau bertayamum jika tidak mampu berwuduk. Ini menunjukkan bagaimana syariat memberi kelonggaran tanpa mengesampingkan kepentingan bersuci sebelum solat. Bagi ibadah solat, hukum asal menekankan kepentingan menunaikan solat pada waktunya dan larangan menjamakkan solat dalam keadaan bermukim. Walau bagaimanapun, *Fiqh al-Taysir* membenarkan pesakit untuk menjamakkan solat, menunaikan solat dalam keadaan duduk atau

berbaring bahkan tidak menghadap kiblat jika keadaan tidak mengizinkan. Ini menunjukkan bahawa meskipun solat adalah tiang agama, syariat masih memberi ruang fleksibiliti untuk memastikan pesakit dapat menunaikannya mengikut kemampuan mereka.

Dalam hal puasa, hukum asal mewajibkan semua pesakit berpuasa di bulan Ramadan. Namun, *Fiqh al-Taysir* membenarkan pesakit untuk tidak berpuasa jika ia mendatangkan mudarat, dengan syarat menggantikannya pada hari lain atau membayar fidyah. Ini menunjukkan bahawa syariat mengutamakan kesihatan dan kesejahteraan pesakit di samping mengekalkan prinsip ibadah puasa.

Bagi ibadah haji pula, walaupun ia merupakan kewajipan bagi yang mampu, namun *Fiqh al-Taysir* turut membenarkan pesakit kronik untuk tidak menunaikannya atau mewakili kepada orang lain. Ini menunjukkan bahawa syariat mengambil kira keadaan kesihatan jangka panjang dalam menentukan kewajipan ibadah.

Perubahan hukum asal kepada rukhsah boleh terjadi mengikut keadaan dan mestilah disokong dengan dalil serta hujah daripada ulama. Kaedah fiqh merupakan salah satu hujah dalam penentuan hukum dan menjadi asas kepada elemen *Fiqh al-Taysir* yang diberikan kepada pesakit dalam pelaksanaan ibadah.

Pesakit secara umum akan merasakan kesusahan dan mempunyai kekangan ketika menjalani rawatan dialisis di hospital atau pusat rawatan kerana pelaksanaan ibadah di rumah berbeza dengan pelaksanaan ibadah di pusat rawatan atau di wad ketika sakit. Oleh yang demikian, terdapat kaedah *kulliyah* (umum) dalam kaedah fiqh yang berperanan menyingkirkan kemudarat dan kesusahan yang dialami pesakit khususnya melibatkan ibadah. Elemen *Fiqh al-Taysir* terbina daripada dua kaedah *kulliyah* tersebut iaitu:

a) *al-Masyaqqah Tajlibu al-Taysir*

Kaedah ini membawa maksud kepayahan membawa kepada kemudahan. Dengan erti lain, sekiranya terdapat unsur kesusahan dan kepayahan, ia akan digantikan dengan kemudahan dan kesenangan bagi mukalaf sesuai dengan situasi dan keadaan mukalaf tersebut (al-Zuhaili, 1986). Pensyariatan ibadah bersifat mampu untuk ditunaikan oleh manusia tanpa ada sebarang kemudarat. Ini disebutkan oleh Ibn 'Asyur (2007) sebagai salah satu bentuk tasamuh (tolak ansur) yang diberikan oleh syariat Islam kepada manusia. Namun begitu, tidak semua kesukaran itu layak mendapat rukhsah dalam syarak (Al-Suyuthi, 1998).

b) *Al-Darar Yuzal*

Kaedah ini bermaksud kemudarat mesti dihapuskan. Kaedah ini diaplikasikan dalam isu fiqh ibadah yang melibatkan mudarat terhadap nyawa, harta, agama, maruah dan keturunan. Dengan kaedah ini, semua kemudarat yang muncul perlu dielakkan sama ada mudarat umum atau mudarat khusus. Menurut al-Burnu (1996), kemudarat bukan hanya dihapus ketika kemunculannya sahaja, tetapi ia perlu dicegah seawal mungkin berdasarkan kemudarat yang sudah berlaku secara berulang kali.

Secara keseluruhannya, bahagian ini menggambarkan bagaimana syariat Islam, melalui pendekatan *Fiqh al-Taysir* memberikan ruang dan kemudahan kepada pesakit dialisis untuk terus menunaikan kewajipan agama mereka tanpa membebankan mereka melebihi kemampuan. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan pesakit tetapi juga

mengekalkan semangat (*ruh*) dan tujuan ibadah iaitu untuk mendekati diri kepada Allah SWT dalam apa jua keadaan. Ia juga mencerminkan sifat rahmat dan kasih sayang Allah terhadap hamba-Nya terutamanya kepada mereka yang berada dalam kesusahan

## 5. Kesimpulan

Kajian ini menyelidik isu-isu ibadah yang dihadapi oleh pesakit hemodialisis, menggabungkan analisis soalan-soalan *mustafti* dengan hukum dan penggunaan *Fiqh al-Taysir* dalam pelaksanaan ibadah mereka. Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pesakit dialisis menghadapi cabaran signifikan dalam melaksanakan ibadah terutamanya berkaitan pelaksanaan ibadah wuduk, solat, puasa dan haji. Permasalahan utama yang dihadapi melibatkan isu-isu seperti terbatalnya wuduk, kesukaran menghadap kiblat ketika solat, hukum menjamak solat dan hukum berpuasa ketika rawatan. Kaedah Fiqh "Kesukaran Membawa Kemudahan" yang diterapkan membolehkan pesakit terus mendekati diri kepada Allah SWT walaupun dalam keadaan diuji dengan penyakit. Kepelbagaian soalan yang diajukan oleh *mustafti* juga menunjukkan keperluan untuk pendidikan berterusan mengenai isu-isu fiqh berkaitan serta menekankan kepentingan kerjasama antara pakar agama dan pakar perubatan. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan keperluan terhadap panduan khusus berkaitan ibadah bagi pesakit hemodialisis dengan menekankan keanjalan syariat Islam dalam berdepan keadaan-keadaan tertentu. Kajian ini menyerlahkan kepentingan kerjasama antara pakar agama dan perubatan dalam mengeluarkan fatwa yang relevan dan praktikal serta menyediakan asas untuk pembangunan garis panduan yang lebih komprehensif bagi ibadah pesakit dialisis bagi membantu mereka menunaikan kewajipan agama dengan baik tanpa menjejaskan kesihatan.

## Penghargaan (*Acknowledgement*)

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Dr. Arieff Salleh bin Rosman selaku penyelia utama, pihak Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia dan Sekolah Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim, serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

## Kewangan (*Funding*)

Kajian ini menerima tajaan daripada Bahagian Penyelidikan, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim.

## Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam menjalankan kajian dan penerbitan ini.

## Rujukan

Al-Bakri, Z. M. (2021, November 17). Solat Ketika Rawatan Dialisis. *Soal Jawab Agama, Solat*. <https://zulkifliabakri.com/134-solat-ketika-rawatan-dialisis/>

- Al-Burnu, M. S. A. (1996). *Al-Wajiz Fi Idhah Qawaid Al-Fiqh Al-Kuliyah*. Muasassah Al-Risalah.
- Al-Kharusi, K. N. (2023, Mac 29). Imra'ah taqum bi ghasil al-kula, wa nasahaha al-atibba' bi 'adam al-sawm. *Oman Daily*. فتاوى يجب عنها فضيلة الشيخ د. كهلان بن نيهان الخروصي مساعد. الموقع الرسمي لجريدة عمان (omandaily.om)
- Al-Kindi, A. R. A. (2014). *Al-Mufattarat al-Tibbiyah al-Muasarah*. Dar al-Hakikah wa al-Kauniyah.
- Al-Majlis al-Islami lil-Ifta'. (2023, Mac 29). Hal ghasil al-kula yufattir?. *Fatawah.net*. المجلس الإسلامي للإفتاء-الداخل الفلسطيني 48/هل غسل الكلى يفطر؟ (fatawah.net)
- Al-Suyuthi, J. (1998). *Al-Asybah wa al-Nazair*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Uthaymeen, M. S. (t.t.-a). Hukm al-wudu' wa al-siyam li man yajri 'amaliyyat ghasl al-kula. *Al-athar.net*. 315-6 (alathar.net)
- Al-Uthaymeen, M. S. (t.t.-b). Hukm ifsad ghasl al-kula lil-sawm. *Al-athar.net*. بحث عن غسل الكلى الصيام (al-fatawa.com)
- Al-Uthaymeen, M. S. (t.t.-c). Man 'alayhi ghasl al-kulya fi Ramadan wa aftar hal yaqdi al-yawm aw yut'im? *Al-athar.net*. 188-3 a-3 (alathar.net)
- Al-Uthaymeen, M. S. (t.t.-d). Shabb marid bil-fashal al-kulwi haythu yu'mal lahu ghasil thalath marrat fil-usbu'. *Al-athar.net*. 55-5 a-5 (alathar.net)
- Al-Zuhaili, W. (1986). *Usul Fiqh Al-Islami*. Dar Al-Fikr.
- Allam, S. I. (2021, Ogos 24). Hukm al-ghasil al-kulwi athna' al-siyam. *Dar al-Ifta al-Misriyyah*. (dar-alifta.org) حكم الغسيل الكلوي أثناء الصيام - الفتاوى - دار الإفتاء المصرية - دار الإفتاء
- Alshamsi, S., Sheek-Hussein, M., Al Otrb, M., Al Zaabi, E., Ibrahim, W., Almansoori, K., Mahboub, A., Abu-Salah, M., Al Nour, M., Elzein, F., Abdelkader, N., & Abdelkader, O. (2016). Changes in biochemical, hemodynamic, and dialysis adherence parameters in hemodialysis patients during Ramadan. *Hemodialysis International*, 20(2), 270-276.
- Azhari, R., & Harun, A. S. (2019). Aplikasi Al-Taysir Dalam Ibadat Haji dan Umrah Berdasarkan Keputusan Muzakarah Haji Kebangsaan: The Practice of al-Taysir in Hajj and 'Umrah Based on the Resolutions of the National Hajj Muzakarah. *Jurnal Fiqh*, 16(2), 225-252. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol16no2.1>
- Bin Baz, (t.t.-a). Hukm al-sawm li marid al-fashal al-kulwi. *Binbaz.org*. حكم الصوم لمريض (binbaz.org.sa) الفشل الكلوي - موقع الشيخ ابن باز
- Bin Baz, (t.t.-b). Hukm salat marid al-fashal al-kulwi waqt al-jalsah. *Binbaz.org*. حكم صلاة (binbaz.org.sa) مريض الفشل الكلوي وقت الجلسة - موقع الشيخ ابن باز
- Dairat al-Ifta' al-'Am al-Urduniyyah. (2013, Julai 27). Ma hukm ghasl al-kula lil-sa'im fi Ramadan? *Facebook*. دائرة الإفتاء العام الأردنية | Facebook
- Dar al-Ifta' al-Urduniyyah. (t.t.). Madha yajib 'ala al-mar'ah allati waladat 'iddat marrat fi shahr Ramadan wa lam taqdi ma 'alayha min siyam. *Aliftaa.jo*. دار الإفتاء - ماذا يجب على المرأة التي ولدت عدّة مرات في شهر رمضان ولم تقض ما عليها من صيام ونسيت عدد الأيام التي أفطرتها وعدد السنين التي مرت بغير قضاء؟ (aliftaa.jo)
- Ibn 'Asyur, M. T. (2007). *Maqasid al-Syar'iyyah al-Islamiyyah (2nd ed.)*. Dar al-Salam.
- International Islamic Fiqh Academy. (2018). Qarar raqm: 219 (23/3) bi sha'n al-mufattirat fi majal al-tadawi. مجمع الفقه - قرار بشأن المفطرات في مجال التداوي (استكمال ما سبق) - مجمع الفقه الدولي (iifa-aifi.org)
- IslamWeb.net. (2003, Julai 21). Mujarrad ghasl al-kula la yanqud al-wudu'. *Islamweb.net*. (islamweb.net) مجرد غسل الكلى لا ينقض الوضوء
- IslamWeb.net. (2013, Mac 13). Taharah wa salat man bi ghasil al-kula. *Islamweb.net*. (islamweb.net) طهارة وصلاة من يغسل الكلى

- Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. (2014, April 24). Sembahyang Jamak Kerana Menjalani Rawatan Penyakit-Penyakit Kronik Di Hospital-Hospital Kerajaan/Swasta. *Fatwa Perubatan*. <https://muftins.gov.my/fatwa/sembahyang-jamak-kerana-menjalani-rawatan-penyakit-penyakit-kronik-di-hospital-hospital-kerajaan-swasta/>
- Jabatan Mufti Negeri Sarawak. (t.t.). Bolehkah seorang pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan Hemodialisis menunaikan ibadah haji? *Itibyan Sarawak*. iTibyan (sarawak.gov.my)
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2002, Mei 9). Fatwa tentang hukum sembahyang jama' kerana menjalani rawatan penyakit-penyakit kronik di hospital kerajaan dan swasta. *Warta Kerajaan Negeri Selangor*. Fatwa Tentang Hukum Sembahyang Jama' Kerana Menjalani Rawatan Penyakit-Penyakit Kronik Di Hospital Kerajaan Dan Swasta - Jabatan Mufti Negeri Selangor (muftiselangor.gov.my)
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2020). Hukum haji bagi pesakit kronik. *Soal Jawab Agama, Ibadah*. Jabatan Mufti Negeri Selangor (muftiselangor.gov.my)
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2022). Hukum puasa bagi pesakit dialisis. *Carian soal jawab agama*. Jabatan Mufti Negeri Selangor (muftiselangor.gov.my)
- Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor. (2012, Julai 20). Hukum puasa bagi pesakit dialisis dan pesakit yang menggunakan inhaler. *Fatwa*. [https://said.johor.gov.my/perkhidmatan/paparan\\_detail\\_fatwa.php?id=550](https://said.johor.gov.my/perkhidmatan/paparan_detail_fatwa.php?id=550)
- Lajnah Daimah. (t.t.-a). Jam' al-salah li man ubtuliya bi ghasil al-kula. *Al-fatawa*. بحث عن غسيل الكلوى جمع صلاة (al-fatawa.com)
- Lajnah Daimah. (t.t.-b). Musabah bi marad al-fashal al-kulwi wa yamurru shahr Ramadan wa hiya ta'mal 'amaliyyat al-ghasil li tanqiyat al-dam. *Al-fatawa*. مصابة بمرض الفشل الكلوي ويمر شهر رمضان و... - اللجنة الدائمة (al-fatawa.com)
- Lajnah Daimah. (t.t.-c). Rajul musab bi fashal kulwi wa aqoum bi ghasil thalath marrat fi al-usbu' wa fi Ramadan. *Al-fatawa*. بحث عن غسيل الكلوى صلاة (al-fatawa.com)
- Majma' Fiqh al-Islami. (2010, Mac 19). Solat pesakit dialisis. *Sudaress*. سوادرس : فتوى مجمع الفقہ الإسلامی عن حکم الصلاة أثناء غسيل الكلوى (sudaress.com)
- Wan Md Adnan, W. A., Zaharan, N. L., Wong, M. H., & Lim, S. K. (2014). The effects of intermittent fasting during the month of Ramadan in chronic haemodialysis patients in a tropical climate country. *PloS one*, 9(12).